

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]**  
**TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)**  
**SOALAN : Dato' Haji Mahfuz bin Omar minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kenapa harga lantai padi tidak dapat dinaikkan dari RM750 per metrik tan kepada RM1200 per metrik tan.**

**JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kali terakhir harga lantai padi dinaikkan adalah pada tahun 2008 iaitu daripada RM650 per metrik tan kepada RM750 per metrik tan. Kenaikan ini adalah sebagai respon kepada krisis harga makanan dunia yang berlaku pada tahun 2008. Penetapan harga lantai ini adalah bagi memastikan petani mendapat harga padi yang berpatutan dan sebagai tanda aras kepada pengilang untuk membeli padi pada harga yang tidak kurang daripada yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Harga lantai padi merupakan asas dalam penetapan harga beras dalam pasaran. Harga lantai padi yang tinggi boleh mengganggu kestabilan harga pasaran beras tempatan yang akhirnya akan membebankan pengguna. Harga pasaran beras tempatan yang tinggi juga akan menggalakkan aktiviti penyeludupan beras ke dalam negara.